

BAB 5

NOVEL-NOVEL PRAMOEDYA ERA PASCA PERANG

Selepas pulang dari Beijing untuk menghadiri ulang tahun kematian pujangga besar China, Lu Sin, Pramoedya telah melahirkan sebuah tulisan bukan sastra iaitu *Jambatan Gantung dan Konsepsi Presiden* yang bertujuan untuk menyokong dasar-dasar Demokrasi Terpimpin dan kabinet pelbagai parti di bawah deklarasi yang dibentuk oleh pemerintahan Soekarno-Hatta. Kejayaan menghasilkan gagasan ekonomi, kemasyarakatan dan politik di dalam tulisan ini serta kejayaanya menterjemahkan karya Marxim Gorky yang memaparkan konsep realisme sosialis, telah menarik perhatian barisan pimpinan Lekra untuk melantik beliau sebagai ahli jawatankuasa Sastra dan Kebudayaan dalam Kongres Nasional I Lekra yang berlangsung di Solo, Jawa Tengah pada 22 hingga 28 Januari 1959 (Laporan Minit Kongres Lekra, 1959, 11). Dalam organisasi ini, selain dipertanggungjawabkan untuk menjadi ketua pengarang majalah *Lentera*, Pramoedya juga bertanggungjawab untuk mengembangkan satu pemahaman budaya, kesenian dan kesusasteraan Indonesia yang radikal serta mampu membina kekuatan rakyat berasaskan akar budaya asal mereka. Kongres pertama Lekra tersebut bertujuan untuk menemukan langkah bagi menerapkan konsep kemanusiaan dan kemasyarakatan yang berasaskan ideologi Marxisisme-Leninisme di dalam aspek kesusasteraan dan kebudayaan Indonesia (Savitri Prastiti Scherer, 1981: 76). Kemunculan kelompok realisme sosialis yang dipimpin oleh Pramoedya ini merupakan perkembangan baru selepas Perang Revolusi, khususnya dari segi fungsi dan orientasi karya sastra

Indonesia. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memberi perhatian terhadap hak sama rata di kalangan masyarakat Indonesia, sekaligus menolak unsur-unsur kapitalis dan imprealis (Savitri, 78).

Beberapa pucuk pimpinan Lekra, antara lain Njoto, Rivai Apin, Asrul Sani dan Sitor Situmorang mencadangkan agar wujudnya wawasan kesusasteraan Indonesia yang radikal dan reproduktif dengan tujuan untuk unsur-unsur tersebut dengan mengembangkan sosialisme dalam sastra sebagai alternatif. Para pucuk pimpinan Lekra berpendapat, sastra Indonesia seharusnya bersifat statik dan tidak hanya bergerak dalam satu garis lurus sahaja seperti pemahaman yang selama ini diketengahkan oleh penulis-penulis Angkatan 45 dan Pujangga Baru iaitu sastra hanya bertanggungjawab memikul nilai-nilai sastra tanpa mempunyai objektif terhadap masyarakat dan kemanusiaan. Sastra seharusnya bersifat multifungsi bukan hanya memaparkan nilai-nilai estetika bahasa tetapi juga perjuangan, politik, ekonomi, sosial dan sebagainya (Rivai Apin, 1957: 2-3).

Bagi Pramoedya gagasan realisme sosialis mempunyai persamaan yang begitu ketara dengan faham kemanusiaan dan kesedaran masyarakat yang selama ini menjadi identiti dalam setiap genre karyanya. Justeru itu, gagasan dilektik ini dapat dijadikan sarana 'perjuangannya'. Dalam erti kata lain, membaiki pelbagai kepincangan yang terdapat di dalam masyarakatnya sehingga realisme sosialis tersebut menjadi babak baru dalam karya-karyanya sesudah 1957 (Savitri, 83-84). Sastra itu sendiri harus mampu memikul tanggungjawab untuk menyatakan aspirasi kelompok, kesedaran dan keinginan sama seperti bidang politik yang begitu diberi perhatian oleh sejumlah besar tokoh intelektual Indonesia pada zaman Orde Lama. Malah, tokoh-tokoh pimpinan dalam Lekra

yang diketuai oleh Pramoedya ini menggesa sastra Indonesia harus lebih terbuka untuk meneliti aspek ekonomi dan kesejahteraan masyarakat (Rivai Apin, hal. 3).

Sementara itu, pucuk pimpinan yang dibentuk pada kongres tersebut terutama Pramoedya mula mengkritik secara terbuka terhadap sasterawan dan budayawan Angkatan 45 dan Pujangga Baru yang dianggap gagal membawa perubahan terhadap politik dan kemanusiaan Indonesia. Tulisan-tulisan mereka justeru dilihat hanya bersifat elitis dan sekadar memperjuangkan keindahan sastra sahaja tanpa mempunyai sasaran dan tujuan pembinaan bangsa dan negara. Beliau dan pucuk pimpinan Lekra juga melihat sastra Indonesia hanya berpunca dari Balai Pustaka dan terlalu cenderung kepada kolonial sehingga gagal membawa fungsi dan tujuan sastra itu sendiri. (A. Teeuw, 1978: 224-225). Pendekatan-pendekatan yang dibawa juga masih bersifat teori dan ide Barat sehingga gagasan sastra Indonesia tidak kelihatan sama sekali. Mereka dianggap masih meneruskan kesinambungan penulisan sastra Barat terutama dari aspek tema, latar masa (setting) dan gaya penulisan. Ini dinyatakan oleh Pramoedya sebagai penjajahan dalam bentuk baru yang selama-lamanya akan membelenggu proses berfikir dan wawasan bangsa Indonesia;

Selepas Proklamasi 45, masih terlalu banyak yang masih dijajah oleh Belanda dan Barat tanpa disedari oleh bangsa Indonesia sendiri. Lihat sahaja dari sasteranya. Kita belum sama sekali menemukan acuan penulisan kita sendiri. Toh, yang digunakan hanyalah kerangka Barat, tema Barat dan cara penulisan Barat. Tidakkah ini satu penjajahan yang masih diterima oleh sebahagian penulis-penulis dan intelek Indonesia sehingga kita tidak tahu sampai bila ia menemukan penghujungnya (Pramoedya Ananta Toer, 1991: 121).

Dalam menanggapi polemik ini, Pramoedya telah menghasilkan satu kertas kerja bertajuk "Realisme Sosialis dan Sastra Indonesia" yang dibentangkan pada seminar Sastra Indonesia di Universiti Indonesia pada 26 Januari 1963. Beliau menegaskan

bahawa konsep yang diasaskan oleh Marxim Gorky merupakan asas kepada kritik sastra Rusia yang menginginkan pengarang memberi tumpuan sepenuhnya terhadap masalah kemasyarakatan dan kemanusiaan, golongan proletarian dan ideologi sosialisme (komunisme) dan paling penting ialah kesejahteraan masyarakat yang berdasarkan keadilan ekonomi.

Dalam konteks Indonesia selepas perang, Pramoedya berpendapat, konsep penulisan sastra seperti ini dapat digunakan bagi tujuan kemasyarakatan dan kesejahteraan bangsa. Pramoedya juga turut menggesa konsep ini harus digunakan oleh seluruh pengarang dan penggiat sastra sebagai pembelaan terhadap nasib golongan bawahan (buruh dan petani) serta meruntuhkan borjuisme di Indonesia secara khusus dan dunia secara umum. (Taufik Ismail, 1995: 4-5). Namun begitu, Pramoedya tidak menganjurkan satu ideologi pertentangan kelas kerana hirarki sosial di Indonesia sama sekali berbeza berbanding dengan Eropah. Malah, pemahaman kebudayaan dan keagamaan di Indonesia lebih kompleks dan menyeluruh. Dalam erti kata lain, Pramoedya menolak satu wawasan pertentangan kelas kerana masyarakat Indonesia sama sekali tidak wujud dalam erti kata kelas-kelas pemerintah dan yang diperintah tetapi hal yang nyata ialah kesenjangan ekonomi, politik dan sosial antara golongan sahaja (Taufik Ismail, 1995: 11-14).

Namun, sesuai dengan tuntutan ke arah pemulihan kesejahteraan masyarakat, Pramoedya sangat mendukung konsep penulisan sastra yang bersifat realisme sosialis berdasarkan fahaman sosialisme. Konsep ini dilihat lebih radikal dalam memperkatakan semua aspek termasuk pemulihan ekonomi dan politik yang menjadi salah satu tujuan kesusasteraan Lekra, iaitu mengutamakan golongan bawahan. Berdasarkan pemahaman

inilah Pramoedy dan pucuk pimpinan Lekra mengemukakan faham humanisme universal yang 'dianuti' oleh beberapa tokoh Angkatan 45 seperti Chairil Anwar, Nur Sutan Iskandar, Amir Hamzah, dan Sutan Takdir Alisjahbana serta kelompok Balai Pustaka kerana dilihat sebagai kesinambungan politik kolonial versi baru. Malah, fahaman ini juga dilihat lebih cenderung kepada menjaga kepentingan estetika bahasa dalam berkarya, bukannya orientasi atau sasaran untuk menyuarakan masalah masyarakat, ekonomi politik dan sosial semasa.

Pramoedy juga menekankan selepas perang, bangsa Indonesia begitu mendambakan kebangkitan ekonomi. Usaha membangunkan kembali ekonomi yang musnah oleh kolonial dan perang harus dijalankan menerusi semua saluran dan sastera adalah salah satunya. Oleh itu, sastera yang masih bersifat 'feudalistis' yang tidak lagi sesuai dengan bangsa Indonesia, harus dipinggirkan. Apa yang ditekankan ialah sastera yang bersifat realisme dan memperjuangkan pemerataan dan kepentingan kelompok iaitu bangsa Indonesia. Antara lain, gambaran tentang hak-hak pemilikan tanah yang subur di Jawa dan Sumatera oleh masyarakat petani dan menghapuskan pemilikan mutlak oleh penguasa dan tuan-tuan tanah. Onghokham, seorang sejarawan yang banyak meneliti tentang sejarah ekonomi di Jawa pada masa kolonial, melihat era selepas perang revolusi merupakan masa-masa meruncing dalam aspek pemilikan tanah. Beberapa daerah di Jawa memperlihatkan sebahagian besar tanah pertanian masih dikuasai oleh tuan-tuan tanah dan sebilangan besar petani hanya bersifat buruh tani mahupun petani yang menyewa. Hal inilah yang memicu kepada kemunculan pemberontakan terhadap tuan tanah seperti yang terjadi di Madiun dan beberapa daerah di sekitarnya pada awal tahun 1950-an (Onghokham, 1989: 17-19).

Masalah ekonomi dan pelbagai kepincangan yang tidak dapat diselesaikan oleh pemerintah Orde Lama ini menjadi dasar utama dalam karya-karya Pramoedya dari semua genre. Dalam konteks novel, aspek-aspek pemilikan tanah dan kepentingan kelompok masyarakat bawahan Indonesia ini diperlihatkan dengan jelas dalam beberapa karya, antaranya *Sekali Peristiwa Di Banten Selatan*, *Korupsi* dan *Bukan Pasar Malam*. Dalam novel-novel ini, Pramoedya sering mengutarakan pertembungan dua kelompok akibat dari masalah-masalah tersebut, iaitu pemerintah dan elit politik di satu pihak dan golongan masyarakat bawahan di pihak lain. Pertembungan dua kelompok ini kerana sebahagian elit politik dan ekonomi di Indonesia yang meraih pelbagai kemewahan selama kolonial Belanda, zaman Jepun dan pasca revolusi, sedangkan golongan bawahanlah yang paling banyak menderita dalam pelbagai aspek (Pramoedya Ananta Toer, November 1963).

Pandangan kemasyarakatan yang Marxistis

Berdasarkan pemahaman yang kuat terhadap idea-idea serta gagasan Marx dan Engels yang berkembang di dalam Lekra, Pramoedya dengan gaya realisme sosialis, tidak hanya mentafsirkan kedudukan masyarakatnya tetapi juga tentang kesedaran ekonomi kelompok bawahan yang diwakilinya. Dalam erti kata lain, tanggapan persoalan ekonomi serta kepentingan kelompok lebih cenderung diberi perhatian dalam karya-karyanya selepas perang. Ini kerana masyarakat Indonesia dari golongan bawahan telah begitu lama mendambakan pemulihan ekonomi dan kesejahteraan yang lebih adil dan hampir 63 peratus masyarakat dari golongan ini tidak mendapat makanan dan tempat

tinggal yang sempurna (Laporan Minit Mesyuarat Lekra, 12 Disember 1959) Oleh itu, pandangan ekonomi ini mengarah kepada pandangan kelas-kelas masyarakat yang diatur oleh garis ekonomi masyarakat sehingga secara tidak langsung kelas ekonomi ini dibahagikan kepada dua. Pertama; kelas pemodal yang dikuasai oleh golongan pemerintah, pemimpin parti politik dan juga pedagang-pedagang Cina. Kedua; merupakan masyarakat petani, buruh-buruh perkebunan tebu dan tembakau dan lain-lain. Pramoedya mungkin tidak 'berniat' untuk memecahkan masyarakat Indonesia pada zaman Orde Lama kepada dua kelompok ekonomi tersebut seperti yang dianjurkan oleh pandangan Marxisme tetapi memperlihatkan kesedaran individu dan kelompok secara kolektif terhadap fenomena ini.

Namun, 'konflik' kelompok ekonomi sering terlihat jelas. Jurang pemisah antara golongan kaya dan miskin di Indonesia selepas perang begitu ketara, seperti yang di gambarkan dalam karya-karyanya. Kepentingan kelompok bawahan ini menyebabkan Pramoedya sedaya upaya meletakkan satu pandangan dunianya bahawa terjadi kemiskinan dan krisis kepentingan kelompok dalam karya-karyanya adalah akibat dari pertembungan dua kelas tersebut. Meskipun begitu, pertembungan dua kelompok masyarakat tersebut sama sekali berbeza dengan pandangan pertentangan kelas dalam konteks masyarakat Barat (H. B Jassin, 1978; 26-38).

Dalam menyatakan kepentingan kelompok masyarakat bawahan ini sebagai satu kesedaran kolektif, Pramoedya menggunakan simbol tertentu untuk memperlihatkan pertembungan kepentingan dua kelompok tersebut. Misalnya, dalam beberapa novelnya, Pramoedya memperlihatkan kedaifan dan kemiskinan menerusi gambaran pondok-pondok buruk milik masyarakat bawahan di antara keindahan dan kemewahan para

pembesar negeri dan pemilik perkebunan serta pegawai-pegawai kerajaan yang sering 'mencuri' harta negara menerusi korupsi dan pecah amanah. Hal ini justeru merupakan lambang perbezaan kelas yang ketara seperti diutarakan oleh Pramoedya. Dalam *Korupsi* dan *Bukan Pasar Malam* misalnya memperlihatkan watak-watak manusia 'kecil' yang berjuang untuk hidup di kota Jakarta pada tahun-tahun awal sesudah kemerdekaan. Kejayaan Indonesia membebaskan diri dari penjajahan Belanda, seolah-olah tidak mengubah nasib golongan kecil ini. Mereka tetap miskin dan melarat. Dalam *Korupsi* 'Aku' misalnya terpaksa mencuri dan melakukan pecah amanah di tempat kerjanya demi untuk hidup dan membiayai persekolahan anak-anaknya yang serba mahal. Dengan rasa yang bersalah dan gementar, 'Aku' misalnya terpaksa mencuri buku-buku tulis di pejabatnya dan dijual kepada tauke-tauke Cina di Pasar Senin untuk membayar yuran persekolahan anaknya.

Dalam *Bukan Pasar Malam* pula, pengarang sendiri (Pramoedya) terpaksa mengayuh basikal puluhan kilometer di tengah-tengah kota Jakarta semata-mata untuk mendapatkan pinjaman wang pulang ke kampungnya di Blora bagi melawat ayahnya yang sedang sakit tenat di rumah sakit Blora. Di celah-celah keletihannya mengayuh basikal tersebut, Pramoedya terpaksa menyedut debu-debu yang dibawa oleh kereta-kereta mewah milik pegawai-pegawai kerajaan dan pembesar negeri serta pengusaha-pengusaha kaya berketurunan Cina. Sebagai kesimpulannya, Pramoedya secara tidak langsung mengutarakan kepada khalayak tentang perlunya pemerataan ekonomi yang adil, khususnya untuk golongan bawahan sepertinya.

Menurut Pramoedya dan kelompok pelopor realisme sosialis, karya-karya sastera seperti ini merupakan gaya baru bagi menggantikan Angkatan 45 dan Pujangga

baru telah mati dan 'terkubur' dalam konteks idea, gagasan dan pendekatan kesusasteraan mereka (Pramoedya Ananta Toer, 1963, 14). Beliau dan kumpulan realisme sosialis yang kebanyakannya bernaung di bawah Lekra berpegang teguh kepada prinsip bahawa fungsi dan posisi sastera itu sendiri sebagai sarana untuk membawa perubahan, terutama dari aspek mental. Sastera juga merupakan lambang kesedaran sesebuah kelompok serta pandangan dunia mereka untuk disuarakan kepada pembaca. Dengan mengolah tema, persoalan, plot dan sebagainya sebagai sebuah karya fiktif, elemen-elemen ini ditonjolkan oleh Pramoedya sebagai media untuk khalayaknya berfikir. Pemahaman yang dipengaruhi oleh realisme sosialis ini kamudiannya diterapkan di keseluruhan karya-karyanya.

***Bukan Pasar Malam* sebagai lambang kesedaran kelompok**

Dalam konteks perbincangan dan penganalisan tentang pandangan pertembungan dua kelompok sosial berhubung dengan ekonomi ini, *Bukan Pasar Malam* merupakan salah satu karya Pramoedya yang perlu diberi perhatian. Karya ini oleh beberapa peniliti sastera Indonesia sebagai novel terbaik yang mengupas persoalan pertentangan kelas dalam konteks Indonesia pasca perang dan era Orde Lama. Ia merupakan satu pandangan sosio-ekonomi berdasarkan kesedaran kelompok yang ditulis pada 1951, dan diterbitkan oleh Balai Pustaka. Malah, novel ini juga dianggap sebagai wacana baru kepada asas perkembangan realisme sosialis Pramoedya yang menonjolkan pertembungan dua kelas masyarakat Indonesia yang ketara. Ini kerana *Bukan Pasar Malam* merupakan karya pertama Pramoedya yang dihasilkan selepas beliau menjadi Ketua Pengarang *Lentera* di

Lekra serta kejayaan menterjemahkan *Ibunda* karya Marxim Gorky yang mengutarakan gaya penulisan realisme sosialis.

Sabron Aidit misalnya, berpendapat *Bukan Pasar Malam* merupakan kejayaan besar Pramoedya menggali ideologi kelas yang bernada sosialis dalam gaya Indonesia. Selain itu, novel ini juga merupakan pandangan terbaik yang bersifat realisme sosialis yang bertujuan untuk menggugat kedudukan kelas yang berkuasa. (Sabron Aidit, 1960: 6) Sementara itu, novel ini juga menampilkan faham ekonomi dan pertentangan kelompok masyarakat dari konteks pandangan dan kesedaran, sekaligus rasa kemanusiaan yang berbeza dengan karya-karya sebelumnya dari aspek suasana, bentuk dan sebagainya.

Bukan Pasar Malam merupakan novel yang didasarkan kepada kisah benar perjalanan Pramoedya ke Blora menaiki keretapi dari Jakarta bersama-sama isterinya yang baru dinikahi untuk melawat ayahnya yang sedang sakit kerana penyakit batuk kering. Selain itu, ayahnya juga mengalami tekanan perasaan akibat terlalu kecewa dengan sikap pemerintah Orde Lama yang tidak mengambil berat kesejahteraan rakyat. Kelemahan pemerintah Orde Lama menyebabkan wujud jurang ekonomi yang terlalu luas antara golongan kaya dan miskin di Indonesia. Di kota kelahirannya, Pramoedya berhadapan dengan kedaifan keluarganya dan saat-saat akhir kematian bapanya. Adik-adiknya lesu dan tidak bermaya kerana kekurangan makanan berzat dan terpaksa mendiami rumah yang terlalu usang dan beratap bocor.

Beberapa tokoh Lekra seperti Joebaar Ajoeb berpendapat *Bukan Pasar Malam* berjaya mengenengahkan perspektif baru yang lebih padat dan kukuh dari aspek persoalan kemasyarakatan dan pertentangan kelas;

Novel ini hanya bersifat catatan peribadi yang digambarkan dengan bahasa yang longgar dan ringkas. Tetapi ada kelebihan yang nyata berbanding dengan karya-karya

sebelumnya. *Bukan Pasar Malam* dipadati dengan ide-ide baru yang diangkat dari realiti sehingga faham kemasyarakatan yang cuba dibawa oleh Pramoedya begitu jelas dan mendalam sehingga begitu sukar ditemui dalam karya-karya sebelum dan sezamannya (Joebar Ajob, 1978: 22).

Bukan Pasar Malam mengangkat persoalan yang cukup ringkas, iaitu kematian ayahnya di rumah yang begitu daif tanpa sebarang kemudahan asas akibat kemiskinan setelah dirawat beberapa minggu di rumah sakit Blora. Dari segi lain, beliau turut memaparkan penderitaan adik perempuannya yang sakit kerana kekurangan darah dan zat makanan. Penderitaan adiknya digambarkan oleh Pramoedya sebagai wajah yang pucat dan cekung serta sering batuk-batuk dan hanya terbaring diranjang. Hal ini menyebabkan adiknya telah diceraikan oleh suaminya sehingga menimbulkan tekanan jiwa. Kekecewaan Pramoedya terhadap kemiskinan keluarganya dan suasana daif di rumah sakit digambarkan oleh Pramoedya;

Ya, sekiranya aku punya mobil. Sekiranya kataku. Semua ini tidak mungkin akan terjadi. Di kala itu juga aku berpendapat orang-orang yang itu banyak menimbulkan kesusahan pada yang tak punya. Dan mereka tidak merasai ini... Dan kalau engkau menjadi presiden, dan ibumu sakit, atau ambillah bapamu atau salah seorang keluarga terdekat- besok atau lusa, engkau sudah bisa datang menengok... Tapi kalau engkau tidak punya uang, engkau akan lumpuh, tidak bisa bergerak (Pramoedya Ananta Toer, 1951: 3).

Sebagai kontras terhadap kelompok berkuasa di dalam karya ini, Pramoedya menceritakan tentang keperitan mengayuh basikal di tengah-tengah kota Jakarta di antara debu-debu berterbangan dengan asap-asap kenderaan mewah milik pegawai-pegawai kerajaan, termasuk berjawatan kecil tetapi berpendapatan besar kerana melakukan pecah amanah dan rasuah. Tidak ketinggalan, Pramoedya turut menceritakan pengalamannya mengayuh basikal melalui jalan kecil depan istana yang bermandikan cahaya lampu elektrik milik pembesar negara (Pramoedya, 1951: 8). Beliau merasakan wujudnya jurang ekonomi dan sosial yang terlalu lebar bila memerhatikan keindahan dan kemewahan

istana tersebut berbanding dengan dirinya yang hanya mengayuh sebuah basikal buruk. Sebagai pengarang, kesedaran tentang fenomena ini merupakan kekecewaan yang begitu meninggalkan kesan di dalam dirinya. Persoalan ini diutarakan dalam bab terakhir *Bukan Pasar Malam*:

...Ayah tuan jatuh sakit oleh kekecewaan. Oleh keadaan yang terjadi sesudah kemerdekaan tercapai . Rasa-rasanya tak sanggup lagi ia melihat dunia kelilingnya yang jadi bobrok itu. Bobrok dengan segala akibatnya...(hal. 106).

Jurang pemisah antara dua kelompok ini juga ditekankan oleh Pramoedya ketika melihat kelengkapan rumah sakit Blora yang hanya berlantaikan tanah dan hanya mempunyai beberapa buah katil sahaja, tanpa sebarang kelengkapan moden. Pelayanan terhadap bapanya juga tidak memuaskan hatinya kerana ayahnya adalah seorang penduduk desa yang tidak berjawatan besar. Lebih memilukan, Pramoedya memperlihatkan kos untuk membawa bapanya ke 'sanatorium' atau pusat rawatan pakar terlalu mahal dan tidak mungkin termampu oleh golongan bawahan sepertinya (Pramoedya Ananta Toer, hal. 67).

Pengalaman dan kesedaran kelompoknya diperlihatkan oleh Pramoedya ketika berada di Jakarta dan dalam perjalanan menaiki keretapi menuju Blora dan ketika menjejakkan kakinya di stesen keretapi Blora yang dipenuhi sampah sarap dan para pengemis. Di Blora selepas perang sama sekali tidak terlihat pembangunan. Diperlihatkan oleh Pramoedya di kota hanyalah kemunduran dengan rumah-rumah penduduk yang dibuat dari buluh dan berlantaikan tanah serta dihubungi oleh jalan-jalan tanah merah yang berdebu untuk digunakan oleh kereta-kereta kuda milik penduduk. Hal ini, sama sekali berbeza dengan kota Jakarta yang begitu pesat membangun dan dipenuhi oleh bangunan-bangunan moden milik orang-orang kaya.

Di samping itu, menerusi novel ini, Pramoedya cuba mengupas, kesan revolusi dan perang kemerdekaan yang dialami oleh seluruh bangsa Indonesia di kiri kanan jalan keretapi, antara pondok-pondok dengan istana-istana pembesar negeri yang mewah, berlimpahkan cahaya lampu dan dijagai oleh pengawal-pengawal bersenjata. Dalam konteks ini, yang ingin diketengahkan oleh Pramoedya ialah pasca perang telah melahirkan dua golongan masyarakat iaitu, para pembesar dan elit politik yang hidup mewah manakala golongan kedua ialah golongan bawahan yang serba kekurangan. Watak ayahnya yang menderita di ranjang hospital dengan sosok tubuh yang kurus kering secara simbolik merupakan gambaran masyarakat bawahan di Indonesia akibat revolusi. Watak ayahnya inilah merupakan paparan penderitaan, kemiskinan dan pengorbanan rakyat terhadap revolusi dan proklamasi kemerdekaan. Pertentangan kehidupan golongan elit ini dengan rakyat golongan bawahan ini diperlihatkan oleh Pramoedya;

Antara gelap dan lembayang sinar sekarat di barat yang merah sepedaku meluncuri jalan kecil depan istana. Istana itu mandi dalam cahaya lampu listrik. Entah berapa puluh ratus watt, aku tak tahu. Hanya perhitungan dalam persangkaanku mengatakan listik istana paling sedikit sebesar lima kilowatt. Dan sekiranya dirasakan kekurangan listrik, orang tinggal mengangkat talipun dan istana mendapat tambahan (Pramoedya Ananta Toer, 1950:3)

Dalam memperkatakan kesedaran kolektif kelompok ini, watak ayahnya yang kurus kering dan terbaring di ranjang serta adik perempuannya yang menderita kerana kekurangan zat merupakan nasib golongan masyarakat bawahan yang diwakili oleh Pramoedya. Pada zaman perang, rakyatlah yang paling banyak berkorban dan turut mengangkat senjata menentang Belanda tetapi selepas keamanan kembali pulih, jasa mereka mempertaruhkan nyawa dilupakan. Pramoedya mengangkat watak ayahnya yang begitu berjasa mengisi perjuangan kemerdekaan dengan menjadi salah seorang tokoh PNI cawangan Blora, tetapi perjuangan itu sekadar memberi laluan untuk kepentingan

elit-elit politik yang tidak pernah melihat jasa para perjuang. Beliau turut memperlihatkan rasa 'sakit' oleh kekecewaan sebenarnya lebih sakit dari penyakit batuk kering yang ditanggung oleh ayahnya. Pramoedya juga melihat perjuangan dan pengorbanan rakyat ketika zaman perang seolah-olah memberi peluang kepada penguasa untuk memperkukuhkan kekayaan dan kemewahan mereka. Sebagai bukti, bapanya yang begitu berjasa terhadap bangsa Indonesia hanya terlantar di rumah sakit yang sama sekali tidak mempunyai kemudahan, sekadar katil dan layanan alar kadar dari jururawat.

Sementara itu, Pramoedya tidak menolak, zaman selepas revolusi, dianggap sebagai zaman sulit kerana beberapa faktor seperti depresi ekonomi dan sekatan perdagangan oleh Belanda. Hal ini disulitkan lagi pergolakan politik dalam negeri seperti pemberontakan daerah, pemberontakan PKI di Madiun (Jawa Timur) pada 1948 dan beberapa gerakan pemisahan diri seperti Republik Maluku Selatan (RMS) dan lain-lain. Di samping itu, terjadi beberapa perebutan politik ketika pelaksanaan Demokrasi Terpimpin dan Parlimenter (1950-1960) antara parti Masjumi, Parti Nasional Indonesia dan beberapa serpihan PKI sehingga Indonesia di bawah Soekarno-Hatta gagal melaksanakan pembangunan secara menyeluruh. Pergolakan-pergolakan ini dilihat sebagai salah satu faktor kemanusiaan dan pembangunan sosial pasca perang diabaikan.

Pramoedya meletakkan kisah benar di sekitar kematian ayahnya sebagai pembelaan terhadap nasib masyarakat bawahan. Dua kelompok masyarakat yang dinyatakan ini dilihat oleh Pramoedya tidak akan menemukan titik sambungan kerana kelas berkuasa sentiasa berusaha mempertahankan hagemoni kelompok. Sedangkan kelompok bawah tidak mungkin bersatu dalam kelompok pertama kerana tekanan ekonomi, politik dan sosial. Ia bukan sekadar kisah penyakit dan kematian ayahnya

tetapi simbolik kepada perjalanan hidup bangsa Indonesia pada era pasca perang. Kematian ayahnya merupakan klimaks tentang penderitaan bangsanya serta pandangan suatu kelompok yang seolah-olah dilupakan sama sekali oleh para elit politik Indonesia seperti yang ditulis;

Dan seperti kami juga, ia giat memperjuangkan kemerdekaan bangsanya: selama tigapuluh tahun. Dan kini, belum lagi setahun kemerdekaan tercapai ia telah tak digunakan lagi oleh sejarah, oleh kemanusiaan dan oleh dunia. Dulu iapun pernah mengalami ketakutan, kesengsaraan, kesenangan dan segala perasaan lain yang ada dalam tubuh manusia (Pramoedy, 1950: 81)

Dalam memperkatakan tentang kesadaran dan pandangan dunia kelompok (masyarakat bawahan), Pramoedy menyatakan keinginan masyarakat bawahan dan rakyat yang pernah terlibat dalam perang untuk meraih kesejahteraan dan kehidupan yang lebih baik. Menerusi pengalaman ini juga, Pramoedy memperlihatkan satu hubungan trans-mental' antara anggota kelompok dalam memperjuangkan hak mereka dari elit politik dan kelas yang berkuasa di Indonesia pada waktu itu. Pramoedy mengungkapkan agar segenap bangsa Indonesia mempunyai hak untuk mengecapi kedamaian dan keadilan dalam semua aspek. Bapanya yang meninggal dunia adalah lambang keinginan untuk melihat bangsa Indonesia tidak dipisahkan oleh jurang ekonomi, politik dan sosial tertentu seperti diungkapkan dalam novel ini;

Mengapa orang ini tidak ramai-ramai lahir dan ramai-ramai mati? Aku ingin dunia ini seperti sebuah pasar malam (hal. 99).

Penyataan ini merupakan gesaan kepada masyarakat Indonesia, agar hidup dalam satu kelompok yang adil dalam semua aspek sebagai satu bangsa, satu negara dan satu bahasa. Keinginan ini juga turut disuarakan oleh Pramoedy dalam novelnya, *Korupsi*

yang memperlihatkan konflik nilai dalam diri seorang pegawai kerajaan yang terpaksa melakukan pecah amanah demi sesuap nasi dan biaya persekolahan anak-anaknya.

Korupsi: Sebuah Pertentangan Nilai

Selain *Bukan Pasar Malam* yang diketengahkan sebagai gambaran masyarakat pasca revolusi dan situasi pemerintahan Orde Lama, karya-karyanya pada dekad ini seperti *Korupsi* (1954), *Cerita Calon Arang* (1954) dan *Sekali Peristiwa di Banten Selatan* (1958) *Gulat di Jakarta* (1953) merupakan paparan tentang realiti dan hakikat yang terpaksa dihadapi oleh bangsa Indonesia sesudah perang. Konflik kedua-dua aspek ini membawa kepada nilai-nilai yang diinterpretasi dengan makna tersendiri oleh Pramoedya dengan tujuan untuk mengubahnya kepada pandangan dunia tentang masyarakat dan kemanusiaannya (A. Teeuw, 1984: 112-114).

Novel *Korupsi* memaparkan imej kesengsaraan rakyat Indonesia selepas revolusi akibat dari pelbagai faktor dalaman mahupun luaran yang memberi impak besar kepada kesejahteraan, proses berfikir dan tanggapan masyarakatnya. Namun, aspek terpenting yang cuba diketengahkan oleh Pramoedya sebagai seorang rakyat kecil dalam aspek ini ialah protes terhadap rasuah dalam kabinet Orde Lama sehingga mewujudkan jurang masyarakat yang terlalu luas antara golongan kaya dan miskin. Amalan rasuah dianggap sebagai fenomena yang menjadi persoalan yang begitu rumit untuk dibenteras oleh pemerintahan Soekarno-Hatta serta beberapa kabinet di bawah Demokrasi Terpimpin dan Parlimentar (1950-1960). Kedudukan pegawai-pegawai kerajaan sering disalahgunakan

untuk kepentingan peribadi sehingga peruntukan-peruntukan untuk pembangunan masyarakat digunakan untuk kepentingan peribadi. Ia telah menyebabkan beberapa projek pembangunan desa-desa seluruh Indonesia pada era ini terkandas sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan penduduk di daerah-daerah Indonesia sehingga muncul pemberontakan oleh pembesar-pembesar tertentu.

Persoalan ini menjadi salah satu faktor kepada kemunculan pemberontakan daerah seperti Darul Islam, Pergerakan Rakyat Republik Indonesia Semesta (PRRI Semesta) dan lain-lain sehingga menyebabkan krisis kewangan Indonesia era tersebut semakin parah. Sementara itu dalam *Korupsi*, protes dan kesedaran kelompok dalam novel ini digambarkan menerusi watak 'Aku', seorang pegawai kerajaan yang hidup di tengah-tengah kemewahan golongan kaya di kota Jakarta dengan gaji yang kecil dan tidak mencukupi untuk menyara keluarga meskipun telah mengabdikan diri di tempat kerjanya lebih 20 tahun. Setiap hari tenaga tuanya terpaksa mengayuh basikal melalui jalan raya ke tempat kerja yang dipenuhi oleh kereta-kereta besar yang dimiliki oleh golongan kaya. Sebagai pegawai kerajaan yang bergaji kecil dan hanya mencukupi keperluan harian sahaja, perbelanjaan-perbelanjaan lain yang semakin meningkat telah menambah penderitaan watak 'Aku'. Antaranya, keperluan untuk membiayai sekolah dua orang anaknya yang akan memasuki Sekolah Menengah Pertama (SMP) dan Sekolah Menengah Atas (SMA). Kesemuanya memerlukan belanja yang besar untuk membeli pakaian seragam dan buku-buku, alat tulis dan papan tulis baru yang harganya semakin meningkat, berbanding dengan gaji 'Aku' yang tidak pernah dinaikkan oleh majikannya sejak 10 tahun lalu. Oleh itu, satu-satunya jalan keluar ke arah penyelesaian masalah ini ialah melakukan rasuah kerana kedudukannya sebagai pegawai di bahagian

kelulusan projek kerajaan sangat memungkinkan untuk berbuat demikian. Selain itu, kedudukannya juga 'berpeluang' untuk mencuri barang-barang milik majikannya untuk dijual di pasar-pasar *loak* (pasar-pasar borong tradisional) yang bertebaran di seluruh kota Jakarta. Biarpun perbuatan ini sangat bertentangan dengan nilai-nilai peribadinya, 'Aku' terpaksa melakukannya demi menyelamatkan persekolahan anak-anaknya. Tidak lebih dari itu. 'Aku' akhirnya berhasil memiliki pelbagai kekayaan seperti mempunyai rumah dan kenderaan mewah sebagai imbalan kerana berjaya 'meluluskan' beberapa projek kerajaan untuk pengusaha-pengusaha Cina. Watak 'Aku' akhirnya telah dipenjarakan.

Pramoedya menggambarkan rasuah dan pencurian barang-barang majikan yang dilakukan oleh watak aku di pejabatnya dengan sikap kontradiktif. Ini kerana latar belakang keluarganya sebagai pegawai kerajaan sejak zaman Hindia Belanda yang bersih dan jujur bertentangan dengan sikap dan keputusannya untuk mengamalkan rasuah. Dengan lain perkataan, 'Aku' telah 'menodai' kejujuran yang menjadi amalan turun-temurun keluarganya sebagai pegawai kerajaan. Namun, 'Aku' tetap digambarkan terbelenggu oleh rasa takut dan bersalah sehingga wang yang diperolehi dari perbuatannya tersebut tidak digunakan untuk tempoh yang lama dan dia tidak dapat melelepkan mata walaupun sesaat ketika pertama kali menjual beberapa peralatan majikan. Manakala isteri 'Aku' pula begitu keras menentang perbuatan suaminya sehingga menimbulkan konflik keluarga yang begitu hebat (hal. 47-48).

Namun demikian, Pramoedya tidak pernah menyalahkan 'Aku' yang terpaksa mengorban maruah dan melanggar nilai-nilai masyarakat serta birokrasi kerana terpaksa oleh kemiskinan dan desakan hidup. Malah, beliau seolah-olah membenarkan watak

'Aku' dengan tindakannya tersebut kerana dia tidak mempunyai alternatif bagi memenuhi keperluan sekolah anak-anaknya biarpun tahu dan sedar tentang risiko yang akan dihadapi terutama hukuman penjara. Hal ini dijelaskan oleh Pramoedyas;

Telah dua puluh tahun aku menjadi pegawai, dan tetap seorang pegawai. Ku mulai dari magang. Tetapi kian hari, kian berkurang harta benda dan umurku. Lemari agung yang dulunya menghiasi ruang depan sudah lima tahun hilang di sita orang kerana hutang yang tidak dibayar. Sepeda motor yang dahulunya menjadi kebanggaanku, hasil simpanan selama sepuluh tahun, telah lama melayang. Aku tidak tahu siapa kini yang memilikinya. Perhiasan isteriku yang dahulunya dikagumi orang, sudah lama berubah menjadi surat-surat pergadaian yang tidak berharga kerana tidak tertebus (Pramoedyas Ananta Toer, 1954: 1-2).

Dalam hal ini, Pramoedyas mengutarakan, 'Aku' melakukan perbuatan tersebut bukan dengan tujuan untuk mendapatkan kemewahan tetapi meneruskan hidup dan memenuhi keperluan asas anak-anak dan isterinya. Di sisi lain, Pramoedyas cenderung melihat manusia yang tertekan dan terpaksa oleh sesuatu situasi akan melanggar batas-batas kemanusiaan yang rasional. 'Aku' terpaksa melakukan rasuah kerana terpaksa oleh keadaan, iaitu keperluan wang untuk menyara persekolahan anak-anaknya serta keperluan keluarga akibat kos hidup yang melambung di Jakarta. Demi memenuhi tujuan tersebut, mahu atau tidak, 'Aku' terpaksa melakukannya biarpun bertentangan dengan nilai-nilai moral dan etikanya. Secara tidak langsung, dalam hal ini Pramoedyas menyalahkan birokrasi dan pimpinan Indonesia yang mengabaikan kesejahteraan rakyat dan rasuah sehingga kesejahteraan rakyat diabaikan begitu sahaja. Watak 'Aku' yang akhirnya dipenjarakan merupakan kemenangan perjuangan kemanusiaan bagi Pramoedyas dari aspek moral.

Menurut M.S Hutagalung, biarpun karya ini sekadar sebuah karya kreatif, Pramoedyas berjaya mengetengahkan realiti dan pelbagai persoalan yang banyak menyerap isu-isu politik, ekonomi, rasuah dan sebagainya pada zaman selepas revolusi.

Antaranya kegagalan pemerintahan Soekarno-Hatta menangani masalah depresi ekonomi dan kejatuhan nilai-nilai komoditi serta pelbagai masalah dalam negeri seperti pemberontakan oleh PKI, DI-TII serta pemberontakan militer di beberapa daerah di Maluku dan Sulawesi. Di samping itu, Soekarno-Hatta juga sama sekali gagal memperbaiki kesejahteraan rakyat bawahan dari pelbagai aspek terutama ekonomi dan sosial. Malah, kebijaksanaan politik kedua-dua tokoh ini dilihat oleh Pramoedya hanya menguntungkan golongan elit politik sahaja (M.S Hutagalung, 1988: 158).

Gambaran watak 'Aku' juga bukan sekadar menceritakan permasalahan jurang sosial dan situasi kemanusiaan masyarakat bawahan di Indonesia pada era pasca revolusi tetapi protes terhadap amalan nepotisme serta rasuah dalam pemerintahan Indonesia. Oleh itu, dengan kedudukannya sebagai intelektual, Pramoedya mengungkapkan keseluruhan pandangan dunia golongan bawahan di Indonesia terhadap pelbagai fenomena negatif ini. Watak 'Aku' mewakili kelompok ini dalam menyatakan protes dan pendapat apa yang seharusnya dilaksanakan oleh golongan pemerintah untuk masyarakat bawahan yang begitu menderita akibat rasuah dan pecah amanah. Beliau juga turut menekankan bahawa watak 'Aku' merupakan mangsa yang ditinggalkan oleh kolonial Hindia Belanda yang gagal memberi pendidikan serta kemahiran kepada peribumi, khususnya rakyat biasa. Hanya segelintir para pemimpin dan elit peribumi dari golongan istana tradisional yang mendapat keistimewaan pendidikan di sekolah-sekolah Eropah di HIS dan MULO. Berbeza dengan masyarakat peribumi yang hanya mendapat pendidikan di sekolah-sekolah rakyat yang diselenggarakan oleh Budi Utomo dan Taman Siswa yang dianggap sebagai sekolah kelas ketiga selepas sekolah-sekolah untuk keturunan Belanda dan sekolah peribumi yang didirikan oleh Belanda (Robert van Neil, 1984: 169-170).

Diskriminasi dalam pendidikan antara rakyat peribumi dan pendudukan keturunan Belanda serta Eropah di Hindia Belanda lebih cenderung bersifat kepentingan politik dan kolonialisme sahaja.

Kebijaksanaan inilah yang menyebabkan rakyat Indonesia, khususnya kelompok masyarakat kelas bawahan sesudah kemerdekaan tidak dapat membebaskan diri dari kemiskinan. Bagi pegawai-pegawai kerajaan seperti 'Aku' yang merupakan mangsa birokrasi, cara terbaik ialah melakukan korupsi dan amalan rasuah, biarpun rasa bersalah begitu membelenggu setiap detik kehidupannya. Pramoedya mengutarakan keterpaksaan yang dilakukan oleh 'Aku' tersebut merupakan sesuatu yang dapat diterima sebagai penentangan terhadap kelas yang berkuasa di Indonesia pada waktu itu seperti dijelaskan oleh Pramoedya:

'Aku' dalam *Korupsi* merupakan realiti dari tragedi kemanusiaan yang disebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Antaranya ketidakadilan sosial dan kelemahan birokrasi sehingga wujud kepentingan kelompok selepas revolusi. Setiap kelompok mempunyai wewenang tersendiri, golongan miskin terpaksa berusaha sendiri tanpa dibantu dan yang kaya terus dengan kekayaannya. Amalan korupsi dan rasuah sebenarnya milik para pejabat kerajaan untuk terus menjadi kaya manakala bagi golongan miskin ia lebih merupakan 'pendapatan tambahan' untuk terus hidup. Semua ini harus saya kongsi bersama (Pramoedya Anata Toer, 27 Disember 1997).

Dalam hal ini, *Korupsi* merupakan sarana kesedaran dan pandangan kelompok masyarakat yang menaungi Pramoedya. Sebagai pengarang, kesedaran tersebut bukanlah idealisme dan pandangan Pramoedya semata-mata tetapi beliau hanya bertindak sebagai 'jurucakap' untuk golongan bawahan yang dibelenggu kemiskinan. Ini sama sekali bertepatan dengan pandangan Goldmann yang mengutarakan sesebuah karya bukanlah lambang kepada kesedaran pengarang semata-mata tetapi cenderung kepada kesedaran kolektif kelompoknya. Pramoedya yang pernah bekerja untuk beberapa lama dalam jabatan kerajaan di Jakarta seperti Balai Pustaka mengilhami fenomena korupsi dan

rasuah ini hasil dari pengamatannya sendiri. Para ketua pejabat dan elit birokrasi menggunakan kedudukan mereka untuk berhubung rapat dengan pengusaha-pengusaha Cina dan Eropah dengan mendapat sejumlah sogokan tertentu bagi projek-projek kerajaan mahupun swasta sehingga menjadikan mereka golongan yang menguasai sebahagian besar kekayaan di Indonesia. Selain memanfaatkan persoalan kehidupan di Jakarta dan pelbagai fenomena sosialnya, kesedaran dan pandangan dunia masyarakat bawahan, Pramoedya juga seringkali mengungkapkan pelbagai permasalahan tersebut di kawasan-kawasan pedalaman di Pulau Jawa seperti yang diperlihatkan di dalam novel *Sekali Peristiwa di Banten Selatan*..

***Sekali Peristiwa di Banten Selatan* Sebagai Simbol Kemenangan Kelompok**

Novel *Sekali Peristiwa di Banten Selatan* yang ditulis oleh Pramoedya ketika mengunjungi Banten pada 1950, sebuah daerah yang terletak di hujung Jawa Barat. Novel ini merupakan adaptasi dari kisah sekitar pemberontakan Darul Islam /Tentera Islam Indonesia (DI/TII) di Jawa Barat yang dipimpin oleh Kartosuwirjo yang berpusat di Cianjur, Jawa Barat. Kartosuwirjo merupakan salah seorang tokoh TKR yang banyak memainkan peranan dalam menentang Belanda di Jawa Barat ketika Perang Revolusi. Gerakan ini bertujuan untuk menubuhkan sebuah negara Islam (Darul Islam) yang berpusat di Sukabumi, Jawa Barat dan tidak mengiktiraf kemerdekaan Indonesia kerana masih dianggap mempunyai hubungan erat dengan agama Kristian Belanda.

Kartosuwirjo juga melihat pemerintahan Indonesia yang berpusat di Jakarta cenderung bersifat sebuah negara sekular yang bertentangan dengan kedudukan

Indonesia sebagai sebuah negara yang didominasi oleh penduduk beragama Islam. Dalam karya ini, Pramoedya secara tidak langsung menentang pemberontakan ini yang dianggap akan melemahkan negara bangsa yang baru sahaja bebas dari belenggu penjajahan dan menjadi ancaman besar kepada kesatuan dan persatuan yang diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin negara. Seluruh bangsa Indonesia sendiri sudah terlalu lama terlibat di dalam perang, sejak zaman kolonial hingga Zaman Revolusi. Pandangan ini diutarakan menerusi watak Ranta dan isterinya Ireng serta beberapa watak kontradiktif seperti Juragan Musa dan pengikut-pengikutnya yang sanggup meruntuhkan kemerdekaan Indonesia dengan menyokong pemberontakan Darul Islam.

Tentera-tentera Darul Islam sering merompak dan membunuh penduduk yang tidak menyokong perjuangan mereka sehingga menjadi ancaman besar kepada kesejahteraan penduduk, khususnya di Jawa Barat. Dalam hal ini, Ranta, Ireng dan beberapa watak antagonis 'diberi kemenangan' sesuai dengan kekalahan tentera pemberontak di tangan Tentera Keamanan Rakyat Indonesia (TKR). Kemenangan ini, sekali gus merupakan kemenangan kelompok bangsa Indonesia menyelamatkan Indonesia yang baru merdeka dari perpecahan oleh ancaman kepentingan tertentu dari dalam dan luar negara. Dalam konteks ini, pertentangan kelompok ini merupakan perjuangan golongan masyarakat bawahan yang prihatin tentang nasib bangsanya menentang para priyayi tradisional peribumi yang diwakili oleh Juragan Musa yang mempunyai kepentingan tertentu berkaitan dengan kempen pembentukan negara Islam oleh DI/TII.

Malah, golongan ini juga diberi peranan hero yang membantu Indonesia mengekalkan kemerdekaannya, dengan semangat keberanian dan kebijaksanaan yang

luar biasa dalam membantu pemerintah menghapuskan pemberontakan dan tali barut DI/TII. Ranta dan Ireng di dalam karya ini digambarkan oleh Pramoedya sebagai watak utama yang membawa kepada kejayaan TKR menghapuskan pemberontakan DI/TII di Banten Selatan yang dipimpin oleh Juragan Musa. Tokoh protagonis ini menggunakan kedudukannya sebagai tokoh masyarakat untuk memperluaskan ideologi negara Islam gerakan DI dan mencari kepentingan politik dan ekonomi tertentu.

Dalam novel ini, Ranta bersama isterinya Ireng yang telah ditekan dan dipaksa membantu DI/TII menunjukkan keberanian yang luar biasa dengan menentang Juragan Musa, residen pemberontak tersebut di kawasan Banten dan kemudian berjaya menghubungi komandan tentera kerajaan. Akhirnya pemberontakan DI/TII di kawasan tersebut berjaya dihapuskan dengan tertangkapnya Juragan Musa bersama beberapa surat bukti keterlibatannya dalam pemberontakan. Ranta kamudiannya telah dilantik oleh tentera pemerintah sebagai *Lurah* (ketua kampung) di desa tersebut. Perlantikan itu, merupakan penghargaan terhadap peranan dan kepimpinan yang ditunjukkannya dalam mengatur strategi memerangkap Juragan Muda dan pengikut-pengikutnya.

Sekali Peristiwa Di Banten Selatan sebenarnya lebih kepada kupasan dan penafsiran kembali terhadap beberapa peristiwa pemberontakan ketika mengunjungi Banten pada 1951 sewaktu pemberontakan tentera DI/TII yang dipimpin oleh Kartosuwirjo sedang memuncak. Beliau melihat begitu banyak penderitaan yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat bawahan yang juga telah lama menderita ketika berhadapan dengan kolonial Belanda, pendudukan Jepun selama Perang Dunia Kedua dan revolusi. Ketika pemberontakan meletus, nasib rakyat di Banten seperti telur di hujung tanduk. Hasil-hasil pertanian mereka telah dirampas dan banyak yang terbunuh. Ketika

pemerintahan Belanda, daerah ini diberi tumpuan khusus dari aspek ketenteraan kerana dianggap sebagai kawasan yang berpotensi untuk memunculkan pergerakan kebangsaan yang berasaskan faham Islam kerana Banten terkenal sebagai salah satu daerah yang diduduki oleh penganut Islam radikal dan penyokong kuat Nahdatul Ulama.

Sebagai penulis, Pramoedy cenderung mencari angin baru untuk meletakkan masyarakat yang terkena dampak dari perang, kolonialisme, revolusi dan pemberontakan tersebut sebagai pemenang menentang unsur-unsur ini. Justeru kemerdekaan Indonesia itu sendiri lahir di atas keringat dan tumpah darah bangsa Indonesia. Jadi dalam novel ini, berdasarkan catatan peribadi di Banten dan dan beberapa daerah di Jawa Barat seperti Sukabumi, Cianjur dan Cikampek, bukan sekadar kemenangan manusianya tetapi juga kemanusiaan (Dadang Juliantara, 1976: 28).

Dalam hal ini, kemenangan kemanusiaan yang dikemukakan oleh Pramoedy ialah kejayaan Ranta, Ireng, Komandan dan pelbagai pihak yang memperjuangkan kemerdekaan yang masih terlalu muda. Misalnya, tertangkapnya Juragan Musa dan tumpasnya gerombolan askar-askar DI/TII di Jawa Barat dan kembalinya wilayah Banten kepada kekuasaan TNI. Kedua-dua watak utama, iaitu Ireng dan Ranta melambangkan kesedaran kelas kelompok yang diwakili oleh Pramoedy dalam menyampaikan aspirasi dan cita-cita mereka. Pengalaman dijajah dan terlibat dalam perang Jepun dan Revolusi merupakan pengalaman yang begitu pahit dan membawa penderitaan yang tidak sedikit kepada golongan ini. Oleh itu, menerusi Pramoedy kesedaran itu disuarakan agar kemerdekaan Indonesia yang baru berusia setahun itu harus dipertahankan dari perang dan pepecahan seperti yang dilakukan oleh DI/TII.

Sebagai pengarang, Pramoedy mengutarakan satu pandangan dunia bahawa, orang-orang seperti Juragan Musa yang telah mempunyai kedudukan yang baik dalam masyarakat seharusnya lebih prihatin membantu kesedaran golongan bawahan, bukannya menggunakan kedudukannya untuk memecahbelahkan negara Indonesia yang baru

meraih kemerdekaan itu. Di samping itu, Pramoedya sama sekali tidak 'menghukum' Juragan Musa dan pengikut-pengikutnya dengan hukuman yang seharusnya tetapi memperlihatkan beliau hanya dihalau dari daerah Banten dengan kekalahan yang memalukan dari aspek moral. Berasaskan pandangan kemanusiaan Pramoedya, Juragan Musa dilukiskan diberi peluang untuk membawa pelbagai barangan peribadi yang berharga. Begitu juga dengan pengikut-pengikutnya yang diterima menjadi sebahagian dari penduduk desa untuk sama-sama mengembalikan kedamaian yang diketuai oleh Ranta sebagai lurah (ketua kampung) seperti dijelaskan oleh Pramoedya;

Kemanusiaan yang saya utarakan di dalam *Sekali Peristiwa di Banten Selatan* dan banyak sekali dipengaruhi oleh pembacaan saya terhadap tulisan-tulisan penulis besar ini. Mutatuli mengajar saya tentang kemanusiaan dan kemanusiaan itu tidak dapat berdiri sendiri, harus di rebut. Dari Gorky saya mempelajari kekuatan bagaimana mengoyang sistem yang tidak kita sukai. Saya belajar dari Steinbeck bagaimana menulis secara plastis. Willian Seroyan pula mengajar saya menterjemahkan rasa kemanusiaan dalam tulisan yang mengharukan, hubungan antara ayah, ibu dan anak. Begitu juga dengan tulisan-tulisan Tolstoy, Chekov dan Gogol (Pramoedya Ananta Toer, 1994, 118).

Berdasarkan pemahaman ini, dalam *Sekali Peristiwa di Banten Selatan*, Pramoedya menekankan bahawa Ranta, Ireng dan pelbagai pihak yang mempertahankan kemerdekaan telah berjaya mencapai kemenangan kelompok masyarakat bawahan, bukan hanya dari aspek moral tetapi juga politik serta kedudukan di dalam hirarki sosial yang selama ini merupakan sesuatu yang tidak pernah disentuh oleh pengarang-pengarang sezamannya dengan Angkatan 45 dan Pujangga Baru. Dengan erti kata lain, beliau memperlihatkan kemenangan sentiasa berada di pihak yang benar dan jujur serta sebaliknya kekalahan adalah hanya untuk orang-orang yang bobrok dan tolol (Juliantara, 29).

Berdasarkan pandangan Goldmann dan teori Strukturalisme Genetiknya, novel ini bukan hanya sekadar sebagai ekspresi kelompok bawahan Indonesia tetapi juga kelas sosial meskipun hal ini agak kabur dalam kedudukan masyarakat Indonesia. Kesedaran kelas dan aspirasi kelompok dilihat menerusi pertembungan antara Ireng dan Ranta (golongan bawahan) dan Juragan Musa serta pengikut-pengikutnya yang mewakili kelas atas dan elit peribumi. Dalam hal ini, muncul satu kesedaran kelompok golongan bawahan mempertahankan kemerdekaan tanah air dan membawa Indonesia ke arah kedamaian. Kenyataan Goldmann dalam Strukturalisme Genetik ini dapat digunakan dalam meneliti kedudukan karya-karya Pramoedya. Ini kerana sedikit sebanyak memperlihatkan pengarang merupakan salah seorang dari kelompok sosial dari kelas bawahan yang turut mengalami perubahan sesuai dengan perubahan yang dialami oleh kelompoknya. Dalam hal ini, dapat disimpulkan karya-karya Pramoedya terhasil daripada kesedaran dan tingkah laku sosial kelompoknya dan secara langsung karya-karya tersebut merupakan satu pandangan serta pertentangan terhadap kelompok yang lain iaitu pemerintah, elit politik dan kelompok yang menguasai ekonomi.